

## **SIARAN MEDIA**

### **POLITEKNIK UNGKU OMAR KEKAL CEMERLANG: PELAJAR, PENSYARAH RANGKUL DUA ANUGERAH eUSAHAWAN MDEC 2023**

Kuala Lumpur, 21 Februari – *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) telah menganjurkan Majlis **eUsahawan & Gig Appreciation Night 2024** di *Kuala Lumpur Convention Centre* (KLCC) pada 20 Februari 2024. Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pemegang taruh serta para pensyarah dalam program eUsahawan dan *Global Online Workforce* (GLOW) sepanjang tahun 2022/2023.

Buat julung kalinya, **Saudara Lee Hsien Wang**, pelajar semester 6, Diploma Pengajian Perniagaan berjaya merangkul Anugerah Pencapaian Tertinggi eUsahawan (*High Achiever Award*) 2023.

Turut membanggakan institusi ini adalah pensyarah Jabatan Perdagangan Politeknik Ungku Omar, **Puan Azilah binti Ismail** turut memperoleh tempat Ketiga bagi Anugerah **eUsahawan Best TVET Lecturer** bagi tahun 2023.

Politeknik Ungku Omar amat berbesar hati dengan penganugerahan ini dan akan kekal komited dalam menyediakan tenaga pakar berkemahiran dalam melahirkan graduan TVET berkualiti dan berciri usahawan serta mampu memberi sumbangan kepada kemampanan ekonomi negara.

MDEC merupakan sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1996 di bawah Kementerian Digital bertujuan untuk menerajui ekonomi digital Malaysia.

*PUO, Home of TVET Champions.*

